



جباتن قرنچغن بندردان ديسا فيراق دارالرضوان
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
PERAK DARUL RIDZUAN
Tingkat 3 dan 7, Bangunan Seri Perak,
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30646 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
MALAYSIA

PLANMalaysia

@Perak

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Tel : Pengarah - 05-209 5700
Khidmat Pengurusan - 05-209 5708
Perancangan Korporat - 05-209 5730
Kawalan Perancangan - 05-209 5755
Rancangan Pembangunan - 05-209 5711

Faks : 05-255 3022

Laman web : jpbdd.perak.gov.my

E-mel : townplan@perak.gov.my

Ruj. Kami : Bil.(22)JPBD.PK. 1/AM/1097

Tarikh : 26 November 2021

21 Rabiul Akhir 1443H

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Tuan/Puan

PELAKSANAAN PENGEMUKAAN PELAN DIGITAL BAGI PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN PINTA UKUR DI KAWASAN PENGARAH PLANMalaysia@Perak 5(2) (AKTA 172) SELAKU PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN SELARAS DENGAN SUBSEKSYEN 5(2), AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman, Jabatan telah membangunkan Sistem Maklumat Perancangan (SISIP) Negeri Perak versi 2.0 dengan menyediakan platform untuk mengemukakan pelan secara digital. Platform secara di atas talian (online) ini disediakan untuk memudahkan perunding Perancang Bandar Berdaftar dan Jurukur Berdaftar mengemukakan pelan digital iaitu pelan susun atur / pelan pertapakan (permohonan Kebenaran Merancang) dan pelan pinta ukur (pra-hitungan) menggunakan format Autocad drawing (.dwg) dan shapefile (.shp) untuk dimuatnaik melalui pautan <https://sisip.perak.gov.my/sisip>.

3. Sehubungan itu, pelaksanaan pengemukakan pelan digital secara di atas talian ini akan mula berkuatkuasa pada **15 Disember 2021**. Pihak perunding boleh memuat turun Panduan Pengguna SISIP versi 2.0 melalui pautan akses SISIP untuk rujukan bagi mendaftar permohonan yang hendak dikemukakan kepada PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan).

4. Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh merujuk kepada En. Mohamad Zurady bin Ahmad Nizuwan di talian 05-209 5731 atau 012-5297773 dan En muhammad Azman bin Abu Naim di talian 05-209 5735 atau 019-4020864.

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"



5. Segala kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan berkenaan perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJAH ASNI BINTI MUSTAFA)

Pengarah

PLANMalaysia@Perak

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Perak Darul Ridzuan)

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"